

ANM (T) 81/ 10/ 6/ 10 Jld 4(24)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BIL. 4 TAHUN 2005**

**TARIKH TERAKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005**

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menyeragamkan tarikh terakhir penyerahan dokumen kewangan 2005 oleh kementerian/jabatan kepada Pejabat Perakaunan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada tahun kewangan 2003 dan kebelakang, Pejabat Perakaunan diberi kelonggaran untuk menetapkan tarikh terakhir penyerahan dokumen oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk bulan Disember dan tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Ini telah menimbulkan kekeliruan dan rungutan dikalangan kementerian/jabatan akibat tarikh yang berbeza di antara Pejabat Perakaunan.

- 2.2 Oleh itu bagi tahun kewangan 2004, tarikh terakhir penyerahan dokumen telah ditetapkan bagi tujuan penyeragaman. Semua Pejabat Perakaunan telah diarah mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan dan memaklumkan kepada PTJ masing-masing. Walaubagaimanapun masih didapati longgokkan baucar bayaran semasa tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) di Pejabat Perakaunan yang mana ada baucar bayaran yang tidak dapat diproses pada tahun kewangan berkenaan.
- 2.3 Disamping itu mulai Januari 2006, Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan melaksanakan secara *pilot* sistem baru *Government Financial and Management Accounting System* (GFMAS) yang menggantikan sistem sediaada yang telah berusia lebih daripada 18 tahun di Pejabat Perakaunan Jabatan Akauntan Negara Cawangan Putrajaya dan Kementerian Kerja Raya.

3. TARIKH TERAKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh penyerahan dokumen kewangan bagi tahun kewangan 2005 yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Jenis Dokumen Kewangan</u>	<u>Tarikh Terakhir Penyerahan</u>
Disember 2005	Baucar Bayaran Manual	15 Disember 2005
	Baucar Bayaran eSPKB	21 Disember 2005
Januari 2006 (AKB)	Waran Peruntukan	9 Januari 2006
	Baucar Bayaran Manual	17 Januari 2006
	Baucar Bayaran eSPKB	19 Januari 2006
	Baucar Bayaran Kuri	23 Januari 2006

4. BAUCAR BAYARAN YANG DISERAH SELEPAS TARIKH TERAKHIR

- 4.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/bekalan yang diterima dalam tahun 2005 tetapi tidak sempat diserahkan baucar bayarannya sebelum tarikh yang ditetapkan perlu dicaj kepada Vot Tahun 2006. Bagi bayaran sedemikian,

kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58 (a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran boleh diluluskan.

- 4.2 Walaubagaimana pun Pejabat Perakaunan adalah dibenarkan untuk menggunakan budibicara dalam menerima dokumen kewangan yang dikemukakan oleh kementerian/jabatan selepas tarikh yang ditetapkan dengan syarat dapat diproses/dibayar dan dicaj kepada Vot Tahun 2005.

5. PENUTUP

- 5.1 Semua Kementerian/Jabatan/PTJ dapat merancang lebih awal bagi mengelakkan penyerahan pada saat terakhir bagi memastikan semua urusan waran, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2005 tidak terganggu.
- 5.2 Pejabat Perakaunan hendaklah mematuhi tarikh terakhir penyerahan dokumen kewangan dengan mengambilkira beban tugas dan keupayaan pejabat masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Kualiti Teras Perakaunan Cemerlang"



(MOHD. SALLEH BIN MAHMUD)

Akauntan Negara Malaysia

/2 Oktober 2005

s.k. Ketua Audit Negara